

1. a) Jelaskan maksud *andaian perakaunan* dan *prinsip perakaunan*. Huraikan satu contoh andaian perakaunan dan satu contoh prinsip perakaunan. [4]

b) **Syarikat Nurul Hidayah Bhd.**

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember

	2008	2007
	RM	RM
Jualan Bersih	425,000	310,000
Kos barang dijual	<u>(325,000)</u>	<u>(248,000)</u>
Untung Kasar	200,000	62,000
Belanja operasi	<u>(34,000)</u>	<u>(15,500)</u>
Untung daripada operasi	66,000	46,500
Belanja faedah	<u>(3,000)</u>	<u>(5,500)</u>
Pendapatan sebelum cukai	63,000	41,000
Belanja cukai	<u>(15,000)</u>	<u>(10,000)</u>
Pendapatan selepas cukai	48,000	31,000
Belanja dividen	(16,000)	(4,500)
	<hr/>	<hr/>
Pindahan ke Rizab Hasil	32,000	26500

Syarikat Nurul Hidayah Bhd.

Kunci Kira – kIra Pada 31 Disember

	2008	2007
	RM	RM
Aset Tetap	211,000	173,000
Aset Semasa:		
Inventori	109,500	57,500
Penghutang	120,500	100,000
Bank	45,000	18,500
Liabiliti : Kurang daripada tempoh 1 tahun	<u>(110,000)</u>	<u>(95,000)</u>
	376,000	254,00
Liabiliti : Lebih daripada tempoh 1 tahun	<u>(40,000)</u>	<u>(70,000)</u>
	<hr/>	<hr/>
	336,000	184,000
Dibiayai oleh :	140,000	75,000
Syer Biasa bernilai RM1.00 sesyer	100,000	50,000
Syer Keutamaan 6% bernilai RM2.00 Sesyer	96,000	59,000
Rizab		
	<hr/>	<hr/>
	336,000	184,000

Maklumat tambahan :

(1) Nilai modal syer biasa dan aset pada 31 Disember 2006 adalah seperti berikut :

	RM
Modal syer biasa	60,000
Inventori	40,000
Penghutang	55,000

(2) 80% daripada jualan bersih adalah jualan kredit.

Dikehendaki :

Hitung yang berikut bagi Syarikat Nurul Hidayah Bhd. untuk tahun 2008 dan 2007. Beri ulasan bagi perubahan setiap nisbah yang dihitung

- i) Nisbah semasa
- ii) Nisbah hutang atas ekuiti
- iii) Pulangan atas jualan
- iv) Pulangan atas syer biasa
- v) Pusing ganti inventori
- vi) Pusing ganti penghutang

[15]

b) Yang berikut ialah perkara-perkara tentang prosedur dan ciri-ciri prinsip perakaunan serta urusan perniagaan. Bagi setiap perkara, nyatakan prinsip perakaunan yang berkaitan selain prinsip kos sejarah.

- i) Bayaran sewa terdahulu yang terkurang daripada RM25 direkodkan sebagai belanja.
- ii) Belian penghawa dingin yang tahan selama sepuluh tahun dikira sebagai belanja.
- iii) Urusan peribadi pemilik adalah terasing daripada urusan perniagaan.
- iv) Menggunakan nilai terendah antara kos atau pasaran.
- v) Menjelaskan kaedah susut nilai yang digunakan dalam laporan kewangan.
- vi) Tidak melaporkan aset pada harga pembubaran.
- vii) Amaun dalam penyata kewangan dibulatkan kepada angka ribu yang terdekat.
- viii) Catatan jurnal pelarasan disediakan pada akhir tempoh perakaunan.
- ix) Aset bukan tunai dibawa masuk ke dalam entity perkongsian direkodkan pada nilai saksama.
- x) Aset tetap dilaporkan dalam kunci kira-kira pada kos sejarah, bukan pada nilai semasa.
- xi) Mewujudkan peruntukan untuk hutang ragu
- xii) Amalan perakaunan asas akruan

[6]

2. Encik Aziz dan Bryan ialah rakan kongsi dan bersetuju untuk membahagi untung sama rata dengan perjanjian berikut:

- i. faedah atas modal 8% setahun
- ii. ambilan melebihi RM5 000 ke atas akan dikenakan faedah 4% setahun ke atas lebihan itu
- iii. rakan kongsi Aziz dibayar gaji sebulan RM800 dan Bryan diberi bonus RM1500 setahun
- iv. muhibah perkongsian akan dikira berasaskan purata keuntungan bagi tiga tahun yang lepas

Pada 31 Oktober 2008, akaun rakan kongsi mempunyai baki-baki berikut:

	Aziz	Bryan
Akaun Modal (RM)	50 000	50 000
Akaun Semasa (RM)	4 200	3 600

Pada 1 November 2008, kedua-dua rakan kongsi telah memutuskan penerimaan Cindy sebagai rakan kongsi baru. Cindy membawa masuk RM100 000 tunai dan sebuah mesin bernilai RM20 000. Nisbah pembahagian keuntungan yang baru adalah sama rata.

Sebagai tambahan, Cindy akan dibayar gaji RM500 sebulan. Beliau juga dijamin oleh dua orang rakan kongsi yang lain bahawa pendapatan gaji tahunan tambah dengan bahagian keuntungan tidak akan kurang daripada RM60 000 setahun. Faedah atas modal dan ambilan rakan kongsi masih kekal sama seperti sebelum kemasukan Cindy.

Keuntungan tiga tahun yang lepas ialah RM55 000, RM105 000 dan RM110 000. Semua rakan kongsi bersetuju supaya muhibah tidak direkodkan dalam buku dan semua pelarasan muhibah dibuat dalam akaun modal.

Untung bersih syarikat bagi tahun berakhir 31 Oktober 2009 ialah RM88 800 sebelum mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- i) Perabot pada kos RM60 000 yang dibeli secara kredit pada akhir bulan Mei 2009 telah direkodkan sebagai inventori oleh kerani perkongsian, manakala inventori yang dijual secara kredit dengan harga RM40 000 pada tarikh yang sama belum direkodkan. Susut nilai perabot ialah 10% setahun.
- ii) Aziz telah mengeluarkan barang niaga berkos RM2 000 untuk keluarga, tetapi perkara ini tidak direkodkan

- iii) Aziz telah memberi pinjaman RM20 000 kepada syarikat perkongsian pada 1 Februari 2009. Faedah atas pinjaman ialah 4% setahun. Faedah itu belum dicatatkan dalam buku.
- iv) Bryan mengeluarkan tunai RM1 000 daripadaambilannya dengan membeli almari untuk kegunaan pejabat pada 1 Ogos 2009.
- v) Ambilan tunai rakan kongsi sepanjang tahun seperti berikut:
- | | |
|-------|----------|
| Aziz | RM12 000 |
| Bryan | RM 8 000 |
| Cindy | RM10 000 |

Dikehendaki:

- a) i. Sediakan Akaun Modal rakan kongsi pada 1 November 2008 [6]
- ii. Kirakan untung bersih selepas pelarasan yang berakhir pada 31 Oktober 2009 [3]
- iii. Sediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2009 [6]
- iv. Sediakan Akaun Semasa rakan kongsi bagi tempoh berakhir 31 Oktober 2009 [8]
- b) Nyata dan terang Peraturan Garner lawan Murray dalam amalan perkongsian [2]

3. a) Apakah sumber hasil utama bagi organisasi bukan untung ? [2]
- b) Bezakan antara yuran tertunggak dan yuran terdahulu. [2]
- c) Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi Persatuan Penduduk Taman Suria bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah seperti berikut :

Persatuan Penduduk Taman Suria

Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun 31 Disember 2009

<u>Penerimaan</u>	<u>RM</u>	<u>Pembayaran</u>	<u>RM</u>
Baki tunai 1 Januari :		Gaji tukang masak kafetaria	7,400
Di tangan	708	Gaji penyelia	3,200
Di bank	9,050	Gaji pengawal keselamatan	2,100
Yuran :	8,410	Belian kafetaria	17,248
Ahli biasa	2,200	Belian peralatan sukan	880
Seumur hidup	2,030	Bayaran pengadil	600
Kutipan jamuan tahunan	27,010	Insurans	520
Jualan – kafetaria		Belanja runcit kafetaria	1,360
		Belanja jamuan tahunan	1,364
		Elektrik dan air	734
		Belanja perjalanan	986
		Belanja am	680
		Baki tunai 31 Disember :	
		Di tangan	936
		Di bank	11,400
	49,408		49,408

Maklumat tambahan :

- i. Yuran ahli biasa yang diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 termasuk yuran bagi tahun 2008 sebanyak RM250 dan yuran bagi tahun 2010 sebanyak RM220. Yuran terdahulu pada 31 Disember 2008 berjumlah RM240.

- ii. Baki yuran tertunggak bagi ahli biasa ialah RM280 pada 31 Disember 2008 dan RM275 pada 31 Disember 2009. Yuran ahli yang tertunggak lebih daripada setahun akan dihapuskan.
- iii. Skim yuran ahli seumur hidup dimulakan pada awal tahun 2008. Yuran yang diterima di bawah skim ini akan diagihkan untuk jangka masa 10 tahun. Kutipan yuran ahli seumur hidup bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 ialah RM600.
- iv. Persatuan memiliki sebidang tanah bernilai RM22,000 dan sebuah dewan yang telah siap dibina pada 1 Januari 2008 dengan kos RM12,000. Dewan disusutnilaikan pada kadar 5% setahun.
- v. Nilai peralatan sukan pada 1 Januari 2009 ialah RM420. Kadar susutnilai untuk semua peralatan sukan bagi tahun 2009 ialah 10%.
- vi. Baki akaun-akaun asset dan liabiliti persatuan pada 31 Disember adalah seperti berikut :

	2008	2009
	RM	RM
Insurans prabayar	260	280
Inventori kafetaria	2,730	2,340
Pemiutang kafetaria	1,500	1,832

Dikehendaki :

- (a) Akaun Perdagangan Kafetaria bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 [5]
- (b) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 [4]
- (c) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009. [12]

4. Cik Fazilah menjalankan sebuah perniagaan tetapi tidak menyimpan rekod yang lengkap. Berikut adalah aset-aset dan liabiliti perniagaannya pada 31 Disember 2008 dan 31 Disember 2009.

	31.12.2008	31.12.2009
	RM	RM
Premis	45 000	45 000
Peralatan	8 000	12 000
Inventori	7 200	13 900
Penghutang	12 500	15 200
Pemiutang	7 800	8 400
Tunai dalam bank	2 300	1 800
Tunai dalam tangan	130	220
Pinjaman bank	-	12 000

Maklumat tambahan:

- (1) Cik Fazilah telah mengeluarkan wang sebanyak RM 18 200 dan inventori sebanyak RM 490 daripada perniagaannya untuk kegunaan peribadi pada tahun 2009.
- (2) Pada awal tahun 2009, Cik Fazilah telah memasukkan sebuah peralatan daripada rumahnya untuk kegunaan perniagaan. Semua peralatan perniagaan disusutnilaikan pada kadar 20 % setahun.
- (3) Hutang lapuk sebanyak RM 380 telah berlaku pada akhir tahun 2009 tetapi belum lagi dihapuskira dalam buku perniagaan.
- (4) Faedah sebanyak RM 600 untuk pinjaman bank belum dibayar
- (5) Satu bil elektrik untuk amaun RM 260 belum dibayar pada akhir tahun 2009

(a) Dikehendaki:

- i. menghitung modal perniagaan pada awal dan akhir tahun 2009
- ii. menghitung untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009
- iii. menyediakan Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009

[10]

(b) Nyatakan **dua** kaedah untuk menentukan hasil dalam sistem rekod tak lengkap.

[2]

(c) Maklumat berikut diambil daripada kunci kira-kira Syarikat Damai pada 1 Januari 2009. Syarikat Damai menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 10 % setahun untuk mengira susutnilai.

Mesin pada kos	RM 30 000
<i>Tolak</i> : Peruntukan susutnilai	<u>RM 18 400</u>
Nilai buku	<u>RM 11 600</u>

Sepanjang tahun 2009, urusanniaga berikut telah berlaku:

- 5 Januari Beli mesin baru pada harga RM 10,000 secara kredit daripada Syarikat Tai Chun Sdn. Bhd.
- 30 Mac Jual sebuah mesin pada harga RM 11 500 **secara tunai**. Mesin ini telah dibeli pada 1 Januari 2004 pada kos RM 15 000.
- 30 Jun Membeli sebuah mesin baru pada harga RM 13 000 secara kredit daripada Syarikat Kei Zhong.
- 1 Oktober Mesin lama yang dibeli pada 1 Januari 2003 pada kos RM 6000 ditukar beli dengan mesin baru yang sama jenis berharga RM 12 000. Elaun tukar niaga ialah RM 1 500. Bayaran mesin baru ini dibuat secara tunai.

Dikehendaki:

Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan belanja susutnilai dan semua urusanniaga yang berkaitan dengan aset tetap syarikat yang berlaku dalam tahun 2009.

[13]

5. Kunci kira-kira bagi Syarikat Veltex Sdn Bhd pada 31 Disember 2007 dan 2008 adalah seperti yang berikut:

Syarikat Veltex Sdn. Bhd.				
Kunci Kira-kira pada 31 Disember				
	2007		2008	
	RM	RM	RM	RM
Diwakili oleh ;				
Saham biasa @ RM1.00 setiap satu		600,000		870,000
Saham keutamaan		150,000		-
Premium saham		230,000		222,500
Untung tertahan		218,000		365,000
Rizab modal		-		110,000
		1,198,000		1,567,50
Debentur		-		200,000
		<u>1,198,000</u>		<u>1,767,500</u>
Aset :				
Tanah (kos)		350,000		-
Tanah (penilaian)				370,000
Mesin dan loji (kos)	395,000		490,000	
Susut nilai terkumpul	<u>(175,000)</u>		<u>(238,000)</u>	
		220,000		252,000
		-		730,000
Pelaburan dalam Sya. subsidiari				
		<u>570,000</u>		<u>1,352,000</u>
Bank	1,120,000		868,500	
Penghutang	119,000		100,000	
(-) Liabiliti Semasa				
Pemiutang	(475,000)		(269,000)	
Cukai	(82,000)		(175,000)	
Dividen Dicadang	<u>(54,000)</u>		<u>(109,000)</u>	
Aset Semasa Bersih		<u>628,000</u>		<u>415,500</u>
		<u>1,198,000</u>		<u>1,767,500</u>

Maklumat tambahan:

- (1) Pada 1 Januari 2008, terbitan bonus dibuat pada nisbah setiap 5 unit saham yang dipegang kepada 1 unit saham baru. Terbitan saham itu dilakukan dengan mempermodalkan untung tertahan.
- (2) Pada 5 September 2008, sebanyak RM150,000 unit saham biasa pada nilai par RM1.00 diterbitkan pada harga RM1.25 untuk membiayai penebusan kesemua saham keutamaan pada kadar premium 30%.

- (3) Aset-aset berikut telah mengalami perubahan dalam tahun semasa:
- (i) Sebuah mesin yang nilai kosnya RM32,500 dengan susut nilai terkumpul sebanyak RM14,600 telah dijual pada harga RM8,800. Kerugian atas jualan tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun Untung Rugi.
 - (ii) Sebidang tanah telah dijual pada harga RM150,000. Kos tanah tersebut ialah RM90,000. Pada masa yang sama, lain-lain tanah yang tidak dijual telah dinilai semula. Semua keuntungan dan lebihan telah dipermodalkan.
- (4) Cukai tahun lepas dibayar sepenuhnya pada 1 Mac.
- (5) Dividen dibayar pada akhir setiap bulan Julai. Walau bagaimanapun, dividen interim berjumlah RM12,000 juga dibayar pada 31 Oktober 2008 untuk tempoh semasa.

Dikehendaki:

- i. Sediakan penyata aliran tunai bermula dengan baki tunai pada awal tahun bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.
[18]
- ii. Nyatakan 2 contoh bagi setiap perubahan aset dan perubahan liabiliti yang tidak memberi kesan kepada aliran tunai.
[4]
- iii. Jelaskan mengapa wang Syarikat Veltex Sdn. Bhn. di dalam bank berkurang sedangkan syarikat mendapat keuntungan yang banyak pada tahun 2008.

[3]

6. a) Nyatakan **satu** perbezaan

- i) antara saham dengan debentur,
- ii) antara rizab hasil dengan rizab modal,
- iii) antara terbitan hak dengan terbitan bonus,
- iv) antara saham biasa dengan saham keutamaan,
- v) antara dividen saham keutamaan dengan faedah debentur

[5]

- b) Pada 1 Januari 2008, Syarikat Khadijah Sdn. Bhd. telah menerbitkan 100,000 syer biasa dengan nilai par RM1.00 pada premium RM0.20 yang ditawarkan kepada orang ramai, dan dibayar dengan cara-cara yang berikut

RM0.30 atas permohonan

RM0.50 atas perumpukan (termasuk premium)

RM0.20 atas panggilan pertama

RM0.20 atas panggilan kedua

Permohonan telah diterima 250,000 syer dan perumpukan dibuat kepada pemohon-pemohon untuk 200,000 syer. Permohonan yang lain ditolak. Wang lebihan yang diterima atas permohonan digunakan untuk perumpukan.

Seorang ahli syarikat itu, yang diumpukkan kepadanya 10,000 syer telah gagal membayar wang panggilan pertama, dan syer-syernya dirampas selepas panggilan kedua dibuat. Wang permohonan dan perumpukan, kecuali premium dikembalikan kepadanya. Syer-syer ini kemudian diterbitkan semula pada harga RM0.90 sesyerdan dibayar sepenuhnya.

Pada 1 Januari, 2009, Syarikat Khadijah Sdn. Bhd. membuat terbitan hak 100,000 syer biasa dengan nilai par RM1.00 pada premium RM0.50 yang ditawarkan kepada pemegang syer syarikat. Bayaran penuh perlu dibuat semasa permohonan. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Dikehendaki :

Sediakan catatan jurnal untuk merekod semua urusan tersebut. [20]

KERTAS SOALAN TAMAT

- 1 a) Pihak pengurusan dalam sesebuah organisasi bertanggungjawab melaksanakan tiga fungsi penting. Nyatakan tiga fungsi utama pengurusan dengan memberikan satu contoh yang sesuai. [3]
- b) Sytera Bhd.(SB) mengeluarkan alat ganti kereta untuk pasaran tempatan. Pada tahap pengeluaran 4,000 unit dan 10,000 unit, SB menjangkakan kos-kos berikut akan berlaku :

	4,000 unit	10,000 unit
Bahan mentah langsung	5,600	14, 000
Buruh Langsung	4,000	10, 000
Gaji penyelia	2,000	2, 000
Kos pembaikan kilang	200	500
Susutnilai kelengkapan	3,000	3,000
Susutnilai pejabat	2,000	2,000
Susutnilai kilang	3,000	3,000
Upah tidak langsung	1,000	2,000
Gaji pengurus	1,000	1,000
Elektrik kilang	1,000	1,500

Dikehendaki :

- i. Sediakan persamaan kos untuk pengeluaran di atas dengan menggunakan kaedah tinggi-rendah.
 - ii. Kirakan kos pengeluaran seunit sekiranya SB mengeluarkan 10,000 unit dan 4,000 unit.
 - iii. Kirakan kos bahan mentah langsung jika 8,000 unit dikeluarkan.
 - iv. Daripada senarai item di atas, tentukan item :
 - a) Kos prima
 - b) Kos penukaran
 - c) Kos tempoh
- [14]
- (c) Dengan memberikan contoh tindakan yang dilakukan, jelaskan **tiga** prinsip unsur kawalan dalaman terhadap bahan mentah bagi sebuah kilang membuat roti. [6]
- (d) *“Kemudahan teknologi masa kini dapat membantu sesebuah perniagaan melicinkan operasi hariannya. Namun, pengurus harus berhati-hati semasa menggunakan perisian supaya sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.”*
- Jelaskan **dua** sebab bagi menyokong pernyataan ini. [2]

2. (a) Syarikat Kruz Berhad adalah pengeluar kereta mainan plastik yang berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan. Salah satu jenis bahan mentah yang digunakan ialah bijian plastik yang diimport dari Pembekal Plastik Exora di negeri Jepun. Biji plastik tersebut adalah dibeli untuk RM5,600 per tan metrik. Tahap pengeluaran syarikat sekarang adalah pada kapasiti normal, dan syarikat memerlukan bahan tersebut sebanyak 60 tan metrik sebulan. Satu diskaun sebanyak 10% atas jumlah belian akan diberikan untuk pembelian yang melebihi 40 tan metrik. Caj pengangkutan yang perlu ditanggung ialah RM400 per tan metrik dan belanja insurans sebanyak 4% daripada harga belian. Bahan tersebut juga dikenakan cukai import pada kadar 30% daripada jumlah harga belian, tambang, dan insurans, manakala sewa gudang ialah RM40 per tan metrik. Biasanya syarikat menerima bahan yang dibeli 14 hari dari tarikh pesanan belian dibuat. Pada 18 Jun, syarikat telah menerima hantaran sebanyak 80 tan metrik dan stok yang masih ada pada ketika itu ialah 10 tan metrik.

Dikehendaki

Hitung kos bahan yang diterima pada 18 Jun dan tunjukkan catatan jurnal untuk merekodkan urus niaga tersebut. [10]

(b) Syarikat Forte Sendirian Berhad adalah pembuat mee segera untuk jualan di pasaran tempatan. Bahan utama yang digunakan ialah tepung. Syarikat Forte sedang mengkaji polisinya berkait dengan kawalan inventori bahan utama tersebut. Buat masa sekarang, syarikat memperoleh bekalan tepung daripada Pembekal Tepung Selphy. Harga yang ditawarkan adalah tetap, iaitu RM40 sekilogram, tetapi diskaun kuantiti diberikan seperti yang berikut.

Antara 1,000 hingga 2,000 kilogram	5%
Antara 2,001 hingga 4,000 kilogram	8%
Melebihi 5,000 kilogram	12%

Kos setiap pesanan ialah RM100. Kos menyimpan inventori dan kos lain yang berkaitan ialah RM1.00 bagi sekilogram tepung yang disimpan. Keperluan tepung untuk 6 bulan (24 minggu) ialah 16,800 kilogram. Syarikat sedang mempertimbangkan kemungkinan yang berikut.

- Pesanan 700 kilogram tepung setiap minggu
- Pesanan 1,400 kilogram tepung setiap 2 minggu
- Pesanan 2,800 kilogram tepung setiap 4 minggu
- Pesanan 5,600 kilogram tepung setiap 8 minggu
- Pesanan 8,400 kilogram tepung setiap 12 minggu
- Pesanan 16,800 kilogram tepung setiap 24 minggu

Dikehendaki:

- Hitung jumlah kos inventori bagi setiap kemungkinan di atas.
- Pilih kuantiti pesanan yang optimum berdasarkan penghitungan pada (i). [10]

(c) Puan Siti bekerja dengan Zana Motors yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran kereta. Kadar upah asas Puan Siti ialah RM24 sejam. Zana Motors membayar upah sebanyak $1\frac{1}{2}$ kali kadar upah asas bagi setiap jam kerja yang melebihi 40 jam seminggu.

- i. Zana Motors menawarkan faedah sampingan untuk masa biasa dan lebih masa pada kadar RM8 sejam buruh. Dalam minggu pertama bulan Ogos, Puan Siti bekerja selama 50 jam tetapi 4 jam daripadanya adalah masa terbiar disebabkan peralatan rosak.
- ii. Jika Zana Motors mengambilkira semua faedah sampingan sebagai kos overhead perkilangan

Dikehendaki:

- i. Hitung jumlah upah dan faedah sampingan Puan Siti bagi minggu tersebut.
- ii. Berapakah upah Puan Siti dan faedah sampingan bagi minggu pertama bulan Ogos yang diagihkan kepada kos buruh langsung dan kos overhead perkilangan?

[5]

3. a) Syarikat Mishazi Sdn Bhd mempunyai dua jabatan untuk mengeluarkan barang-barang yang ditempah oleh pelanggannya. Maklumat berikut telah diperolehi untuk bulan Julai 2010.

	Jumlah kos (RM)	Jabatan A (RM)	Jabatan B (RM)
Gaji	12 000	7 200	4 800
Sewa	5 400		
Pengawasan	4 800		
Elektrik	6 900		
Insurans loji	4 200		
Susutnilai mesin	10 000		
Penyelenggaraan Mesin	6 400		

Maklumat tambahan:

	Jabatan A	Jabatan B
Keluasan kilang	2 000 mps	1 000 mps
Jam kerja mesin	25 000 jam	15 000 jam
Nilai loji	RM300 000	RM100 000
Bilangan pekerja	50 orang	100 orang
Jam buruh langsung	1 500 jam	3 500 jam
Kos mesin	RM40 000	RM10 000

Pada bulan Julai 2010 , Kerja No. 123 telah disiapkan dan lembaran kos kilang telah menunjukkan maklumat berikut:

	Jabatan A	Jabatan B
Bahan digunakan	RM 680	RM 1 300
Buruh digunakan	RM1 450	RM1 820
Jam buruh	45 jam	20 jam
Jam mesin	15 jam	80 jam

Dikehendaki:

- (i) Sediakan jadual yang sesuai untuk menunjukkan pembahagian overhed antara jabatan. [8]
- (ii) Hitungkan kadar penyerapan overhed jika overhed diserap berasaskan jam buruh langsung untuk Jabatan A dan jam mesin untuk Jabatan B. [2]
- (iii) Hitung kos kerja no.123. [5]

b) Syarikat Seri Mekar Berhad mengeluarkan perabot mengikut tempahan pelanggan. Jadual berikut menunjukkan maklumat tentang tempahan No. 762

	Jabatan pemotongan	Jabatan pemasangan	Jabatan lain
Kos bahan yang digunakan (RM)	30,000	8,000	4,000
Jam buruh langsung	500	200	150
Kadar upah sejam (RM)	8	5	3

Syarikat menambahkan item berikut kepada kos langsung : overhed pengeluaran tetap pada kadar RM6 sejam buruh langsung dan overhed pentadbiran tetap sebanyak 25% daripada jumlah kos perkilangan. Dalam menentukan harga jualan, syarikat menokok 40% atas jumlah kos.

Dikehendaki :

- (i) Hitung harga jualan tempahan No. 762 [5]
- (ii) Lakarkan satu draf borang yang boleh digunakan oleh Syarikat Seri Mekar Berhad untuk merekod tempahan kerja di atas.dan borang tersebut mestilah mempunyai ciri-ciri kawalan dalaman. [5]

4. a. Perihalkan **tiga** kaedah yang boleh digunakan untuk menghitung titik pulang modal. [3]

b. Nyatakan 2 kelemahan dalam analisis kos volum untung [2]

c. Power House Sdn. Bhd. adalah pengeluar dua jenama bateri kereta, Power X dan Power XT. Pada tahun 2008, Power X mewakili 60% daripada jumlah jualan dengan nisbah margin caruman sebanyak 40%, manakala Power XT pula mewakili 40% jualan dengan nisbah margin caruman sebanyak 40%. Jualan syarikat pada tahun itu berjumlah RM 80,000 dengan melibatkan kos tetap sebanyak RM10,000.

Dikehendaki;

- i. Nisbah margin caruman syarikat secara keseluruhan pada tahun 2008
- ii. Titik pulang modal dalam RM pada tahun 2008
- iii. Nilai jualan yang diperlukan pada tahun 2009 jika syarikat berkehendakkan untung bersih sebanyak RM 30,00
- iv. Penambahan jualan yang diperlukan dalam RM untuk setiap keluaran Power X dan Power XT jika keuntungan yang dikehendaki ialah RM 30,000.
- v. Nilai jualan pada tahun 2009, jika kos tetap dijangkakan meningkat sebanyak RM10,000 dan syarikat ingin mengekalkan keuntungan yang diperolehi pada tahun 2008.

[10]

d. Syarikat PJ telah membentangkan butir-butir berhubungan dengan pengeluaran yang dilakukan dalam tahun 2008 dan 2009 seperti di bawah;

	<u>2008</u>	<u>2009</u>
Volum Pengeluaran	45,000 unit	55,000 unit
Jumlah Kos	RM 127,500	RM 152,500
Jumlah Hasil	RM 225,000	RM 275,000

Dikehendaki;

- i. Titik pulang modal untuk tahun 2009
- ii. Jumlah unit yang perlu dikeluarkan serta hasil untuk mendapatkan untung bersih sebanyak RM 20,000.
- iii. Berdasarkan soalan (ii) di atas, margin keselamatan di dalam nilai Ringgit dan unit keluaran.

[10]

5. (a) Nyatakan **dua** ciri kos relevan dan berikan **satu** contoh bagi setiap ciri. [4]

(b) Jelaskan empat faktor yang diambil kira oleh sesebuah perniagaan dalam membuat keputusan “menerima atau menolak pesanan khas”. [6]

(c) Syarikat Suria Berhad mengeluarkan 18 000 unit komponen MC setiap tahun yang akan digunakan untuk mengeluarkan satu produk syarikat. Kos mengeluarkan seunit komponen MC seperti berikut:

	RM
Bahan langsung	3.60
Buruh langsung	5.40
Overhed kilang berubah	2.50
Overhed kilang tetap	7.60
	19.10
Kos seunit	19.10

Seorang pembekal luar menawarkan 18 000 unit komponen MC kepada Syarikat Suria Berhad setiap tahun dengan harga RM18.50 seunit. Jika Syarikat Suria Berhad menerima tawaran ini, ruang kilang yang digunakan untuk membuat komponen MC boleh disewakan kepada perniagaan lain pada sewa RM105 000 setahun. Walaupun begitu, kos overhed kilang tetap sebanyak RM5 seunit masih perlu ditanggung oleh syarikat jika komponen MC dibeli daripada pembekal luar.

Dikehendaki:

Berdasarkan pengiraan anda nasihatkan Syarikat Suria Berhad sama ada patut atau tidak patut terima tawaran pembekal luar tersebut [7]

(d) Syarikat Mega mengeluarkan sejenis produk berjenama Gama yang dijual dalam pasaran tempatan pada harga RM14.00 per unit. Volum Gama yang dibuat dan dijual setiap tahun adalah 50 000 unit. Kos-kos terlibat dengan pengeluaran dan jualan 50 000 unit produk ini adalah seperti berikut:

	RM
Bahan	3.50 per unit
Buruh langsung	2.75 per unit
Overhed berubah	0.90 per unit
Overhed tetap	0.80 per unit
<i>Belanja jualan dan pentadbiran:</i>	
Berubah (termasuk komisen jualan 15 sen seunit dan sewa lori 25 sen seunit)	0.65 per unit
Tetap	0.35 per unit

Seorang pelanggan asing telah membuat satu tempahan khas untuk 14 000 unit pada harga RM9.50 per unit. Jika tempahan khas ini diterima, komisen jualan tidak perlu dibayar dan sewa lori untuk mengangkut 14 000 unit ditanggung oleh pelanggan berkenaan tetapi jumlah overhed kilang tetap syarikat akan meningkat dengan sebanyak 25%.

Dikehendaki:

Berdasarkan pengiraan, nasihatkan sama ada tempahan khas ini patut diterima atau ditolak.

[8]

6. Syarikat Amzar Gemilang Sdn Bhd mula beroperasi pada 1 Januari 2010. Pihak syarikat telah membuat permohonan pinjaman daripada sebuah bank pada awal April 2010 untuk membesarkan lagi operasi perniagaan syarikat. Untuk tujuan pinjaman ini, pihak bank telah meminta syarikat menyediakan satu penyata pendapatan proforma untuk tempoh suku tahun kedua tahun 2010 beserta dengan satu belanjawan tunai untuk April, Mei, Jun dan suku tahun kedua 2010.

Maklumat-maklumat berikut diperolehi bagi tujuan menyediakan penyata pendapatan proforma dan belanjawan tunai.

(i) Jualan sebenar dan ramalan jualan:

Februari 2010	18 000 unit
Mac 2010	20 000 unit
April 2010	20 000 unit
Mei 2010	22 000 unit
Jun 2010	25 000 unit
Julai 2010	24 000 unit
Ogos 2010	36 000 unit

Harga jualan seunit ialah RM5. Semua jualan adalah jualan kredit. Polisi kutipan hutang seperti berikut:

60% dikutip pada bulan jualan.

30% dikutip pada bulan pertama selepas bulan jualan

9% dikutip pada bulan kedua selepas bulan jualan

1% dianggar tidak dapat dikutip.

(ii) Syarikat inginkan stok akhir barang siap bersamaan dengan 20% daripada anggaran jualan bulan berikutnya. Stok pada 31 Mac 2010 ialah 5000 unit.

(iii) Stok bahan langsung pada 31 Mac 2010 terdiri daripada 4 000 kilogram. Syarikat ingin kekalkan stok akhir bahan langsung setiap bulan pada 30% daripada keperluan pengeluaran bulan berikutnya. Pihak pembekal membenarkan bayaran untuk belian bulanan dibuat pada bulan berikutnya. Kos sekilogram bahan langsung ialah RM4. Setiap unit barang siap memerlukan $\frac{1}{2}$ kilogram bahan langsung. Baki akaun belum bayar untuk belian bahan langsung ialah 31 Mac 2010 RM30 000.

- (iv) Anggaran kos seunit barang siap menggunakan pengkosan marginal adalah seperti berikut:

	RM
Bahan langsung	2.00
Buruh langsung	1.00
Overhed perkilangan berubah	0.50
	<u>RM3.50</u>

- (v) Anggaran kos overhed perkilangan tetap setiap bulan ialah RM5 000. Daripada amaun ini, RM2 000 dianggarkan untuk susut nilai peralatan kilang. Belanja jualan berubah dianggarkan 1% daripada nilai jualan dan belanja jualan tetap dianggarkan RM7 000 sebulan. Belanja pentadbiran dianggarkan RM10 000 sebulan, di mana RM8 000 adalah tetap. Belanja pentadbiran tetap setiap bulan termasuk RM500 untuk susut nilai peralatan pejabat. Semua belanja di atas tidak termasuk belanja hutang lapuk.
- (vi) Syarikat membayar gaji buruh langsung, belanja jualan dan pentadbiran dan overhed perkilangan dalam bulan di mana ia berlaku.
- (vii) Baki tunai pada 31 Mac 2010 berjumlah RM5 000
- (viii) Tiada terdapat sebarang stok kerja dalam proses.

Dikehendaki :

- (a) Belanjawan jualan untuk April, Mei, Jun dan suku tahun kedua 2010. [3]
- (b) Belanjawan pengeluaran untuk April, Mei, Jun dan suku kedua tahun 2010. [4]
- (c) Belanjawan belian bahan langsung untuk April, Mei, Jun dan suku kedua tahun 2010. [7]
- (d) Penyata pendapatan proforma untuk tempoh suku tahun kedua 2010 menggunakan format margin caruman. Belanja hutang lapuk hendaklah ditolak daripada amaun jualan kasar untuk mendapatkan amaun jualan bersih. [3]
- (e) Belanjawan tunai untuk April, Mei, Jun dan suku kedua tahun 2010. [8]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA PERCUBAAN 1 KERTAS 1/2010 Koleksi Trial 2010 Cg Narzuki Online

Soalan 1 Andaian – asas yang diperlukan untuk proses perakaunan

Contoh – Usaha/Badan berterusan, kestabilan nilai wang, entiti berasingan, wang sebagai

Prinsip – sesuatu panduan yang diterima umum bagi menetapkan bagaimana sesuatu

urusan atau urusniaga ekonomi perlu direkodkan dan dilaporkan.

Contoh : kematerialan / kematangan, catatan bergu, tempoh perakaunan, konsistensi/ketekalan, kos sejarah, keobjektifan, pepadanan , realisasi.

$$= \frac{1}{2}, 8 \times \frac{1}{2} = 4M$$

Formula	2009	2008	Ulasan
i) Nisbah Semasa = $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	$\frac{109,500+120,500+45,000}{110,000}$ = 2.5 :1	$\frac{57,500+100,000+18,500}{95,000}$ = 1.85 : 1	-Meningkat -Mampu bayar liability semasa meningkat
ii) Nisbah hutang atas ekuiti = $\frac{\text{Jumlah Liabiliti}}{\text{Jumlah Ekuiti}}$	$\frac{110,000 + 40,000}{336,000}$ =0.45 :1	$\frac{95,000 +70,000}{184,000}$ = 0.90 :1	-Merosot -Risiko yang lebih mampan
iii) Pulangan atas jualan = $\frac{\text{Untung Bersih selepas cukai} \times 100\%}{\text{Jumlah jualan}}$	$\frac{48,000}{425,000} \times 100\%$ = 11.29%	$\frac{31,000}{310,000} \times 100\%$ = 10%	-Meningkat -Pulangan atas jualan lebih tinggi
iv) Pulangan atas syer biasa = $\frac{\text{Untung bersih selepas cukai dan dividen syer keutamaan} \times 100\%}{\text{Modal syer biasa purata}}$	$\frac{48,000 - 6,000}{(140,000+75,000)/2} \times 100\%$ =39.07%	$\frac{31,000 - 3,000}{(75,000+60,000)/2} \times 100\%$ = 41.48%	-Merosot -Penggunaan ekuiti biasa yang kurang cekap akan menjana keuntungan yang rendah
v) Pusing ganti inventori = $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori purata}}$	$\frac{325,000}{(109,500 +57,500)/2}$ =3.89 kali	$\frac{248,000}{(57,500+40,000)/2}$ = 5.09 kali	-Merosot -Pengurusan inventori yang kurang cekap
vi) Pusing ganti penghutang = $\frac{\text{Jualan kredit}}{\text{Penghutang purata}}$	$\frac{340,000}{(120,500+100,000)/2}$ = 3.08 kali	$\frac{248,000}{(100,000+55,000)/2}$ =3.2 kali	-Merosot -Kutipan kredit tidak cekap

$$= \frac{1}{4} M \quad 60 \times \frac{1}{4} = 15 M$$

1. Pepadanan
2. Kematerialan
3. Entiti berasingan
4. Konservatisme

6. Usaha berterusan
7. Materialiti
8. Pepadanan
9. Objektiviti

11. konservatisme
12. pepadanan

6 markah

5. Pendedahan penuh

10. Objektiviti

Soalan 2

ai)

Akaun Modal

	A	B	C		A	B	C
Muhibah	30,000	30,000	30,000 /	Baki b/b	50,000 /	50,000	
Baki h/b	/	/		Muhibah	45,000 /	/	
				Tunai		45,000	100,000 /
				Mesin		/	20,000 /
	95,000	95,000	120,000		95,000	95,000	120,000

[/ = ½ x 12 = 6]

aii) **Penyata Pelarasan Untung Bersih**

	RM	RM
Untung bersih sebelum pelarasan		88 800
+ Belian lebih catat	60 000 /	
Jualan	40 000 /	
Ambilan belian	2 000 /	
		102,000
Faedah Pinjaman	600 /	
Belanja susut nilai peralatan	2,525 /	
		3,125
Untung bersih selepas pelarasan		187,675 /

[/= ½ x 6 = 3]

iii) **Akaun Pengasingan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Okt 2009**

	RM		RM
<u>Faedah atas modal</u>		Untung bersih	187,675 /
Aziz	5,200 /	Aziz	360 /
Bryan	5,200 /	Bryan	80 /
Cindy	7,200 /	Cindy	200 /
<u>Gaji Pekongsi</u>			
Aziz	9,600 /		
Cindy	6,000 /		
Bonus Bryan	1,500 /		
<u>Akaun Semasa</u>			
Aziz	51,250 /		
Bryan	51,250 /		
Cindy	51,250 /		
	188,315		188,315

[/ = ½ x 12 = 6]

iv)

Akaun Semasa A

	A		A
Ambilan	14,000 /	Baki b/b	4,200 /
Faedah atas ambilan	360 /	Faedah Atas Modal	5,200 /
Akaun Semasa C	1,375 //	Gaji	9,600 /
Baki h/b	55,115 //	Faedah pinjaman	600 //
		Pembahagian Untung	51,250 /
	70,850		70,850

Akaun Semasa B

	B		B
Ambilan	7,000 /	Baki b/b	3,600 /
Faedah atas ambilan	80 /	Faedah Atas Modal	5,200 /
Akaun Semasa C	1,375 //	Bonus	1,500 /
Baki h/b	53,095 //	Pembahagian Untung	51,250 /
	61,550		61,550

Akaun Semasa C

	C		C
Ambilan	10,000 /	Baki b/b	-
Faedah atas ambilan	200 /	Faedah Atas Modal	7,200 /
Baki h/b	57,000 //	Gaji	6,000 //
		Akaun semasa A	1,375 /
		Akaun Semasa B	1,375 /
		Pembahagian Untung	51,250 /
	67,200		67,200

[/ = $\frac{1}{4} \times 32 = 8$]

b) Peraturan Garner lawan Murray merujuk kekurangan dalam akaun modal pekongsi yang mufliis hendaklah ditanggung oleh pekongsi-pekongsi lain mengikut nisbah modal terakhir masing-masing. [2]

Soalan 3

(a) i. yuran tahunan ahli /

ii. yuran keahlian seumur hidup /

iii. untung daripada jualan makanan di restoran atau kafe /

iv. untung daripada majlis social /

v. faedah daripada pelaburan /

vi. derma /

[mana-mana 4 / x ½ = 2]

(b) yuran tertunggak wujud apabila terdapat ahli yang tidak membayar yuran bagi tempoh semasa.

Ini menyebabkan ada ahli yang berhutang yuran dengan organisasi yang dianggotainya.(1)

